



SOFBOL

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut undang-undang Persekutuan Sofbol Antarabangsa (The International Softball Federation Playing Rules Committee) 2006-2009.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

3. JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan Berpasukan Antara Universiti-Universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM.

4. PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

4.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 15 orang.

4.2 Borang pendaftaran peserta hendaklah diserahkan kepada jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan dimulakan.

4.3 Senarai nama pemain untuk perlawanan hendaklah disampaikan kepada jawatankuasa Pertandingan 10 minit sebelum perlawanan dimulakan.

4.4 Hanya pemain yang didaftarkan dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

5. SISTEM PERTANDINGAN

5.1 Sila rujuk Peraturan Am (9.0) MASUM

5.2 Semua perlawanan kecuali perlawanan akhir adalah perlawanan masa terhad selama 1 jam 30 minit atau 7 inning yang mana terdahulu,

5.3 Perlawanan akhir adalah perlawanan masa terhad selama 2 jam atau 7 inning yang mana terdahulu.

5.4 Perlawanan akan ditamatkan jika salah satu pasukan mendahului lawannya dengan perbezaan 15 larian pada akhir inning ke-3, 10 larian pada akhir inning ke-4, dan 7 larian pada akhir inning ke-5.

5.5 Jika perlawanan masih seri, perlawanan '**tie-breaker**' akan dimainkan.

6. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

6.1 Cara Liga:

6.1.1 Cara Memberi Mata:

Menang	-	2 mata
Kalah	-	0 mata

6.1.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

6.1.2.1 Keputusan perlawanan diantara pasukan terbabit diambil kira. Pasukan yang mempunyai " larian kena" yang paling rendah akan diisytiharkan layak ke pusingan seterusnya.

6.1.2.2 Jika masih seri, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang

7. PENANGGUHAN PERLAWANAN

Sekiranya perlawanan terpaksa ditangguhkan akibat cuaca atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan maka perlawanan akan disambung semula mengikut baki masa perlawanan dihentikan.

8. KELEWATAN

Hanya 15 minit sahaja diberi kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan dua (2) mata dan bilangan larian 7-0.

9. BANTAHAN/RAYUAN

Mengikut Peraturan Am Sukan MASUM (Perkara 13.0 dan 15.0).

10. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM